

Mendapat harga murah untuk kos botol sos.	Pembekal cili padi utama di selatan Semenanjung Malaysia.
Usahawan tanaman cili padi.	Meningkatkan pendapatan Encik Azman.
Mendapatkan bekalan botol daripada abangnya.	Permintaan cili padi beliau sangat tinggi.
Encik Azman pengeluar sos cili padi.	200 000 batang pokok cili padi.


Membaca

Perkongsian Bijak

Hanif dan bapanya, Encik Salim, menziarahi rakannya, iaitu Encik Azman.

Encik Azman ialah **usahawan tanaman cili padi**. Beliau telah mengusahakan tanaman tersebut selama sepuluh tahun. Kini, beliau mempunyai **200,000 batang pokok cili padi**.

Kejayaan Encik Azman ini menjadikan beliau pembekal cili padi utama di selatan Semenanjung Malaysia. Beliau amat mementingkan kualiti hasil tanaman. Oleh itu, permintaan cili padi beliau amat tinggi.

Selain itu, Encik Azman juga pengeluar sos cili padi. Beliau mendapat bekalan botol daripada abangnya. Abangnya mempunyai kilang pembuatan botol di Muar, Johor.

Usaha sama ini telah **meningkatkan pendapatan Encik Azman**. Beliau **mendapat harga murah untuk kos botol sos**. Harapan Encik Azman ialah beliau dapat meluaskan tanaman cili padinya agar penghasilan sos cili padi dapat ditingkatkan.




Perenggan	Idea Utama	Idea Sampingan
1		
2		

3		
4		